# PEMERKASAAN WANITA LUAR BANDAR MELALUI PROGRAM KEUSAHAWANAN PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI

SITI MARIAM BINTI ISMAIL

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Sains (Perancangan Bandar Dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2016

# DEDIKASI

Teristimewa buat keluarga tercinta terutama ayahanda dan bonda tersayang,
Encik Ismail bin Ishak
Puan Hamiah binti Hamid

Segala jasa, kasih sayang, doa, perhatian dan pengorbanan kalian sangat anakanda sanjungi dan tidak terbalas dengan ucapan dan kata-kata...

Buat adik-beradikku yang disayangi,
Kalian adalah sumber inspirasi dan kekuatan bagiku. Terima kasih di atas sokongan dan dorongan kalian kepadaku…

Teman-teman seperjuangan,
Kalian banyak membantu diriku samada secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam memberikan semangat, nasihat dan dorongan kepadaku…

Semoga kalian sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah S.W.T

InsyaAllah

# PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t Tuhan yang telah menciptakan segala kejadian. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w serta keluarga dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah keizinan-Nya saya telah berjaya menyiapkan Projek Sarjana Sains yang bertajuk "**Pemerkasaan Wanita Luar Bandar Melalui Program Keusahawanan Pelancongan Berasaskan Komuniti"** ini dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti sebagai memenuhi syarat bagi penganugerahan Sarjana Sains Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Dengan rasa berbesar hati, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah penyelia saya iaitu **Dr Norhazliza bt Abd Halim**, penyelaras Pascasiswazah (FAB), **Prof Madya Dr Nooraini bt Yusoff, Prof. Amran bin Hamzah** dan **Prof. Madya Dr Hairul Nizam bin Ismail** selaku pembaca tesis, dan pensyarah-pensyarah di Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah yang telah banyak memberi bimbingan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian tesis ini.

Tidak dilupakan juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu memberi dorongan, pendapat dan nasihat yang berguna dalam usaha saya menyiapkan projek ini. Jutaan terima kasih juga diberikan kepada agensi teknikal yang sudi membantu memberikan kerjasama dalam proses pengumpulan data.

Selain itu, tidak dilupakan juga kepada ahli keluarga yang telah banyak berkorban demi keselesaan saya dalam menyiapkan tugasan yang diberikan.

# ABSTRAK

Usaha pemerkasaan golongan wanita di luar bandar dalam pembangunan pelancongan dilihat membawa kesan positif bukan sahaja kepada golongan wanita malahan kepada komuniti setempat. Terdapat keperluan untuk memahami penglibatan golongan wanita melalui organisasi di dalam proses pembangunan pelancongan berasaskan komuniti (PBK). Golongan wanita terlibat secara aktif di dalam aktiviti keusahawanan dan menjadi penggerak kepada pembangunan pelancongan di kawasan mereka. Matlamat utama kajian adalah untuk mengenalpasti faktor kejayaan pemerkasaan golongan wanita melalui organisasi di dalam pembangunan PBK. Terdapat tiga objektif utama kajian iaitu; (i) untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penglibatan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan; (ii) untuk mengenalpasti peranan pihak berkepentingan dalam memperkasakan wanita tempatan; dan (iii) untuk mengenalpasti keberkesanan organisasi dalam memperkasakan wanita di dalam pembangunan PBK. Maklumat dan data yang dikumpul adalah melalui kaedah Temubual Mendalam, Perbincangan Kumpulan Fokus dan pemerhatian turut serta di kawasan kajian. Kaedah Analisis Tema digunakan bagi mengenalpasti faktor kejayaan pemerkasaan wanita melalui Usahawan Wanita Setiu (PEWANIS) di dalam pembangunan PBK di Setiu, Terengganu. Seramai 15 orang responden telah ditemubual dan merupakan golongan wanita yang aktif di dalam PEWANIS. Berdasarkan dapatan kajian, didapati tiga faktor utama mempengaruhi kejayaan pemerkasaan wanita melalui organisasi PEWANIS. Faktor pertama adalah ekonomi iaitu peluang untuk golongan wanita menjana pendapatan. Manakala faktor kedua iaitu faktor sosial dari segi bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak Badan Bukan Kerajaan dan pihak berkepentingan serta faktor ketiga adalah faktor politik di mana galakan yang berterusan diberikan oleh pihak kerajaan untuk pembangunan wanita di kawasan kajian. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dengan peluang dan bantuan yang diberikan, golongan wanita mampu menjana sumber pendapatan melalui aktiviti pembangunan pelancongan di kawasan mereka. Usaha dan galakan yang berterusan daripada pihak Tabung Hidupan Liar Sedunia dan agensi pelancongan telah berjaya memperkasakan golongan wanita tempatan dengan membangunkan produk pelancongan di Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu.

# ABSTRACT

The effort of empowering women in rural tourism development have been seen to bring forth a positive impact not only to women but also the local community. There is a need to understand women's participation in the development process of community-based tourism (CBT) organizations. Women have been actively involved in entrepreneurial activities and are the key driver of tourism development in their area. The main goal of the study was to identify the success factors of women empowerment through the organization in CBT development.There are three main objectives of the study; (i) to identify the factors that influence women's participation in the organization; (ii) to identify the role of stakeholders in empowering women; and (iii) to identify the effectiveness of the organization in empowering women in CBT development. Data were collected through in-depth interviews, focus group discussions and participant observation in the study area.Thematic Analysis Method was used to identify the success factors of women empowerment through the organization in the CBT development. A total of 15 respondents who are active members of Usahawan Wanita Setiu (PEWANIS) were interviewed. Based on the findings, it was found that three main factors affect the success of women in PEWANIS. The first is the economic factor as it gives an opportunity for women to generate their income. The second factor is the social dimension in the form of assistance and support provided by the Non-Governmental Organizations (NGO) and stakeholders, and the third factor is the political aspect reflected by the constant encouragement given by the government for women development in the study area. It is clear that given the opportunity and support, women are able to generate their income through the development of tourism activities in their area. Effort and constant encouragement from NGO like World Wildlife Fund and the tourist agencies have managed to empower local women to develop tourism products in Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu.

# KANDUNGAN


| BAB | TAJUK | | HALAMAN |
|---|---|---|---|
| | **PENGESAHAN** | | **i** |
| | **PENGAKUAN** | | **ii** |
| | **DEDIKASI** | | **iii** |
| | **PENGHARGAAN** | | **iv** |
| | **ABSTRAK** | | **v** |
| | **ABSTRACT** | | **vi** |
| | **KANDUNGAN** | | **vii** |
| | **SENARAI JADUAL** | | **xiv** |
| | **SENARAI RAJAH** | | **xvi** |
| | **SENARAI PETA** | | **xvii** |
| | **GLOSARI** | | **xviii** |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | | **xix** |
| **1.** | **PENGENALAN** | | 1 |
| | 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.2 | Permasalahan Kajian | 3 |
| | 1.3 | Matlamat Kajian | 5 |
| | 1.4 | Objektif Kajian | 6 |
| | 1.5 | Persoalan Kajian | 6 |
| | 1.6 | Skop Kajian | 7 |
| | 1.7 | Pemilihan Kawasan Kajian | 8 |
| | 1.8 | Metodologi Kajian | 10 |
| | 1.9 | Hasil Akhir Kajian | 15 |
| | 1.10 | Kepentingan Kajian | 16 |

1.11 Batasan Kajian 19

1.12 Rumusan 20

**2. SOROTAN KAJIAN : PEMERKASAAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN** 22

2.1 Pengenalan 22

2.2 Perspektif Gender Tentang Peranan Wanita dalam Pembangunan 22

2.2.1 Peranan Wanita dalam Sektor Ekonomi dan Pekerjaan 25

2.2.2 Peranan Wanita dalam Politik 27

2.2.3 Peranan Wanita dalam Pendidikan 28

2.2.4 Peranan Wanita dalam Keluarga 30

2.3 Konsep Pemerkasaan Wanita 31

2.3.1 Aspek Pemerkasaan 34

2.3.2 Kriteria Pemerkasaan 36

2.3.3 Kategori Pemerkasaan 37

2.3.3.1 Pemerkasaan Individu 37

2.3.3.2 Pemerkasaan Kepimpinan 38

2.3.3.3 Pemerkasaan Organisasi 39

2.3.3.4 Amalan Pemerkasaan Organisasi 42

2.4 Pembangunan Pelancongan 43

2.4.1 Pembangunan Pelancongan Mampan 46

2.4.2 Pelancongan Alternatif – Pelancongan Berasaskan Komuniti *(Community-Based Tourism)* 48

2.4.3 Pendekatan Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) 53

2.5 Pemerkasaan Wanita dalam Pembangunan Pelancongan 54

2.5.1 Pemerkasaan Ekonomi 60

2.5.2 Pemerkasaan Sosial 62

2.5.3 Pemerkasaan Politik 64

2.5.4 Pemerkasaan Psikologi 65

2.6 Model Penglibatan Komuniti 67

2.6.1 Tahap Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan oleh Pretty (1995) dan Munt (1998) 70

2.7 Implikasi Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) terhadap 75

Sosioekonomi
2.8 Pendekatan Pihak Bekepentingan (Stakeholders) di dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) 77
2.8.1 Peranan Pihak Kerajaan 78
2.8.2 Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) 80
2.9 Faktor Kejayaan Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) 83
2.9.1 Produk 84
2.9.2 Penglibatan Ahli Komuniti 86
2.9.3 Kepimpinan 88
2.10 Rumusan 90

**3. METODOLOGI KAJIAN** 92
3.1 Pengenalan 92
3.2 Pendekatan Kajian Kualitatif 93
3.3 Reka Bentuk dan Proses Kajian 94
3.4 Persampelan Kajian 96
3.5 Kaedah Pengumpulan Data 97
3.5.1 Temubual Mendalam 99
3.5.2 Perbincangan Kumpulan Fokus 101
3.5.3 Pemerhatian Turut Serta 103
3.5.4 Pengumpulan Data Sekunder 104
3.6 Analisis Data Kualitatif 105
3.6.1 Tema Analisis dan Penemuan Kajian 107
3.6.1.1 Penglibatan Golongan Wanita 107
3.6.1.2 Pengaruh Pihak Berkepentingan 107
3.6.1.3 Kejayaan Pemerkasaan Golongan Wanita 108
3.7 Rumusan 109

**4. LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN AKTIVITI SOSIOEKONOMI PEWANIS** 111
4.1 Pengenalan 111
4.2 Latar Belakang Kawasan Kajian 111

4.2.1 Daerah Setiu, Terengganu 111

4.2.2 Latar Belakang Penduduk dan Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu 114

4.3 Pembangunan di Kampung Mangkuk Sebagai Destinasi Pelancongan 119

4.4 Latar belakang dan Aktiviti Usahawan Wanita Setiu – PEWANIS 125

4.4.1 Sejarah Penubuhan PEWANIS 125

4.4.2 Matlamat Penubuhan PEWANIS 127

4.4.3 Penajaan dan Bantuan Teknikal 128

4.4.4 Aktiviti yang Diperkenalkan oleh PEWANIS 131

4.4.4 .1 Aktiviti Ekonomi 131

4.4.4 .2 Aktiviti Sosial 135

4.4.4 .3 Aktiviti Pelancongan 138

4.4.4 .4 Aktiviti Pemeliharaan Alam semulajadi 140

4.5 Kemajuan dan Sumbangan PEWANIS 141

4.6 Rumusan 143

**5. FAKTOR PENGLIBATAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN MELALUI PEWANIS** 145

5.1 Pengenalan 145

5.2 Faktor-Faktor Penglibatan Wanita di dalam Organisasi PEWANIS 146

5.2.1 Faktor Ekonomi : Jaringan Pendapatan Keluarga dan Peluang Pekerjaan 147

5.2.2 Faktor Sosial : Organisasi PEWANIS yang Sistematik dan Kukuh Mempengaruhi Penglibatan Wanita 151

5.2.3 Faktor Politik : Keberkesanan Kepimpinan Menarik Penglibatan Wanita dalam Pembangunan Sosioekonomi 153

5.2.4 Faktor Psikologi : Galakan dan Dorongan Persekitaran Mempengaruhi Penglibatan Wanita 155

5.3 Pengaruh Jaringan Pihak Bekepentingan (Stakeholder 158

Networking ) di dalam organisasi PEWANIS

5.3.1 Sistem Jaringan Pihak Bekepentingan *( Stakeholder Networking )* 159

5.3.2 Jaringan Ekonomi Pihak Berkepentingan (*Stakeholders Economic Networking*) di dalam PEWANIS 167

5.3.3 Jaringan Sosial Pihak Berkepentingan *(Stakeholders Social Networking)* di dalam PEWANIS 170

5.4 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Pemerkasaan Golongan Wanita Melalui Organisasi PEWANIS 174

5.4.1 Faktor Sokongan Kemudahan dan Peluang Pembangunan EkonomiWanita Yang diberikan Oleh pihak Stakeholder dan NGO. 175

5.4.2 Faktor Pengurusan Organisasi Yang Sistematik, Sokongan dan Komitmen Ahli PEWANIS yang Padu dan Berterusan 179

5.4.3 Faktor Jalinan Hubungan Kerjasama PEWANIS yang baik dengan Stakeholders, NGO dan Ahli Komuniti Setempat. 183

5.4.4 Faktor Minat, Bangga dan Peningkatan Jati Diri Wanita kerana Terlibat Dalam PEWANIS, Ativiti Pelancongan Berasaskan Komuniti dan Pemuliharaan Alam Sekitar. 186

5.5 Rumusan 188

**6. PERBINCANGAN DAN PENILAIAN PENEMUAN KAJIAN** 190

6.1 Pengenalan 190

6.2 Pemerkasaan Wanita Berjaya di Lakukan Melalui PEWANIS 190

6.2.1 Ahli Wanita Aktif dalam Pengurusan dan Pentadbiran PEWANIS 191

6.2.2PEWANIS Berjaya Meningkatkan Tahap Sosioekonomi Golongan Wanita Tempatan 192

6.2.3PEWANIS Berjaya Meningkatkan Tahap Sosioekonomi Golongan Wanita Tempatan 196

6.2.4 Penglibatan Wanita dalam PEWANIS Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Terhadap Pemuliharaan 199

6.2.5 Penglibatan Wanita dalam Bidang Keusahawanan dan Pelancongan Mampu Menjana Pendapatan 201

6.3 Kategori Pemerkasaan Peranan Golongan Wanita dalam Pembangunan Pelancongan Melalui PEWANIS 203

6.3.1 Wanita Berperanan Sebagai Usahawan Kecil-Kecilan dan Operator Pelancongan 204

6.3.2 Peranan Wanita Melalui PEWANIS dalam Mempromosi Produk Pelancongan 205

6.3.3 Melalui PEWANIS Golongan Wanita Mampu Tingkatkan Keupayaan Komuniti 207

6.3.4 Golongan Wanita Terlibat dalam Kempen Kesedaran dan Penjagaan Alam Sekitar 208

6.4 Penglibatan Pihak NGO dan Pihak Berkepentigan dalam PEWANIS Mengukuhkan lagi Peranan Wanita Sebagai Agen Pelancongan 209

6.5 Pendekatan Pembangunan PEWANIS Berjaya di lakukan oleh WWF dan Nestle Melalui "*Bottom-Up Approach*" 211

6.6 PEWANIS Berjaya Sebagai Agen PembangunanMeningkatkan Keupayaan Diri Golongan Wanita Setempat 214

6.6.1 PEWANIS Berjaya Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Secara Informal Kepada Wanita Setempat 216

6.6.2 Pengerusi PEWANIS Mempunyai Keupayaan Kepimpinan di Peringkat Komuniti 217

6.7 PEWANIS Mampu Meningkatkan Keupayaan Komuniti dan Mengurangkan Kebergantungan Bantuan dengan Pihak Luar 220

6.8 Rumusan 222

**7. PENUTUP** 225

7.1 Pengenalan 225

7.2 Implikasi Kajian 225

7.2.1 Implikasi dari Aspek Teori 225

7.2.2 Implikasi Terhadap Polisi dan Amalan Pelaksanaan Pembangunan 227

7.3 PEWANIS Sebagai Model Perniagaan Berasaskan Komuniti 229

7.4 Refleksi Terhadap Metodologi Kajian iaitu Pendekatan Kualitatif 230

7.5 Kekangan Kajian 231

7.6 Cadangan Kajian Lanjutan 232

7.7 Rumusan 233

**8. RUJUKAN** 237

**LAMPIRAN** 255

## SENARAI JADUAL


| NO JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1.1 | Peringkat di dalam melaksanakan kajian | 13 |
| 1.2 | Akhir bagi kajian yang dijalankan | 15 |
| 2.1 | Aspek pemerkasaan | 34 |
| 2.2 | Kriteria pemerkasaan | 36 |
| 2.3 | Jenis penglibatan komuniti tempatan dalam pembangunan | 70 |
| 2.4 | Model-Model Penglibatan | 74 |
| 3.1 | Persampelan dalam kajian Kualitatif | 97 |
| 3.2 | Ringkasan Pengumpulan Data Primer | 97 |
| 3.3 | Profil Responden bagi temubual mendalam | 100 |
| 3.4 | Profil Responden perbincangan kumpulan Fokus | 102 |
| 3.5 | Ringkasan Pengumpulan Data Sekunder | 104 |
| 3.6 | Indikator dalam Menentukan Kejayaan Ppemerkasaan Wanita | 108 |
| 4.1 | Kategori Pekerjaan Penduduk Kampung Mangkuk, Setiu | 115 |
| 4.2 | Tahap Pendidikan Penduduk Kampung Mangkuk, Setiu | 116 |
| 4.3 | Pendapatan Penduduk Kampung Mangkuk, Setiu | 117 |
| 4.4 | Kemudahan Asas di Kampung Mangkuk, Setiu | 119 |
| 4.5 | Jenis Spesies Hidupan Terancam | 120 |
| 4.6 | Senarai Homestay dan Resort di Sekitar Daerah Setiu | 120 |
| 4.7 | Jenis Pekerjaan Sektor Pelancongan | 122 |
| 4.8 | Jumlah Kedatangan Pelancong Ke Kampung Mangkuk, Setiu | 123 |
| 4.9 | Aktiviti Perusahaan Wanita PEWANIS | 126 |
| 4.10 | Aktiviti pengurusan Mampan oleh PEWANIS | 127 |
| 4.11 | Aktiviti Pembangunan Modal Insan oleh NGO | 129 |
| 4.12 | Peranan dan Fungsi Syarikat Pelancongan Tempatan | 130 |

| | | |
|---|---|---|
| 4.13 | Pengagihan Pendapatan oleh PEWANIS | 131 |
| 4.14 | Tujuan Kedatangan Pelancong ke Kawasan Kampung Mangkuk | 133 |
| 4.15 | Perkhidmatan Pelancongan oleh PEWANIS | 133 |
| 4.16 | Keuntungan Aktiviti PEWANIS, Tahun 2010-2014 | 134 |
| 4.17 | Aktiviti Pembangunan Kemahiran dan Latihan oleh NGO | 136 |
| 4.18 | Jumlah Kedatangan Pelancong Mengikut Kategori | 139 |

## SENARAI RAJAH


| NO RAJAH | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1.1 | Carta Alir Proses Kajian | 14 |
| 3.1 | Kerangka Metodologi Kajian | 95 |
| 4.1 | Aktiviti perikanan di Kampung Mangkuk | 117 |
| 4.2 | Kemudahan Asas di Kampung Mangkuk | 118 |
| 4.3 | Kemudahan Resort dan chalet di Kampung Mangkuk | 121 |
| 4.4 | Aktiviti Ekonomi PEWANIS | 135 |
| 4.5 | Aktiviti Sosial PEWANIS | 137 |
| 4.6 | Demostrasi aktiviti pelancongan oleh PEWANIS | 140 |
| 4.7 | Aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar | 141 |
| 5.1 | Sistem Jaringan Pihak Berkepentingan *(Stakeholders)* di dalam PEWANIS | 162 |
| 6.1 | Struktur Jawatankuasa organisasi PEWANIS | 195 |

## SENARAI PETA


| NO PETA | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1.1 | Kawasan Kajian | 9 |
| 4.1 | Kedudukan Negeri Terengganu dalam peta Malaysia | 112 |
| 4.2 | Daerah Setiu, Terengganu | 114 |
| 4.3 | Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu | 115 |

# GLOSARI

| | | |
|---|---|---|
| PBK | - | Pelancongan Berasaskan Komuniti |
| PEWANIS | - | Usahawan Wanita Setiu |
| WWF | - | *World Wildlife Fund* |
| JKKK | - | Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung |
| KKLW | - | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah |
| MOTAC | - | Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia |
| KPWKM | - | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| KEMAS | - | Jabatan Kemajuan Masyarakat |
| NGO | - | Non-Governmental Organization |
| UNWTO | - | World Tourism Organization |
| UTM | - | Universiti Teknologi Malaysia |
| FAB | - | Fakulti Alam Bina |
| *FGD* | - | *Focus Group Discussion* |
| WCED | - | Suruhanjaya Dunia mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan |
| *APEC* | - | *Asia-Pacific Economic Cooperation* |
| UNDP | - | United Nations Development Programme |
| KUNITA | - | Kumpulan Wanita Nelayan |
| CSF | - | *Critical Success Factors* |
| MAMPU | - | Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia |

# LAMPIRAN


| LAMPIRAN | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| A | Senarai Responden Kajian | 255 |
| B | Soalan Kajian Lapangan | 256 |

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pengenalan

Golongan wanita berperanan penting dalam memastikan kesejahteraan kehidupan sesebuah keluarga dan masyarakat memandangkan mereka merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat. Menyedari pelbagai peranan wanita di dalam keluarga, masyarakat, ekonomi serta politik, pelbagai usaha dan strategi telah dibentuk bagi melibatkan wanita secara berkesan dalam proses pembangunan supaya potensi wanita dapat dioptimumkan (Dasar Wanita Negara, 1989).

Golongan wanita bukan sahaja mampu menjana pendapatan keluarga malahan turut sama melibatkan diri dalam menjana pendapatan negara dan membantu membangunkan ekonomi negara. Hal ini demikian kerana wanita merupakan aset penting bagi negara dan penglibatan mereka di dalam pembangunan sesebuah negara tidak seharusnya diabaikan (Mowforth dan Munt, 1998). Selain itu, menurut Hemmati (2001), golongan wanita menjadi sumber tenaga yang terpenting dalam meneruskan halatuju pembangunan negara yang mana ianya dikaitkan dengan pemerkasaan wanita.

Secara umumnya, pemerkasaan wanita merupakan salah satu isu yang sering dibahaskan di peringkat antarabangsa dalam aspek kehidupan masyarakat. Di kebanyakan negara sedang membangun, isu diskriminasi dan ketidaksamaan

jantina merupakan halangan utama di dalam proses pembangunan sesebuah negara. Justeru, bagi mencapai matlamat pembangunan alaf baru pada tahun 2015, salah satu usaha yang dilakukan adalah dengan menghapuskan jurang yang wujud antara golongan wanita dan lelaki dari segi kapasiti, akses kepada sumber dan peluang yang disediakan (UNWTO, 2006).

Menurut UNWTO (2006), permasalahan ketidaksamaan jantina boleh berperanan penting di dalam pembangunan pelancongan. Justeru, berhubung hakikat ini, kajian mengenai pelancongan mempunyai perkaitan yang penting antara pembangunan pelancongan, pembangunan komuniti dan pemerkasaan wanita. Oleh itu, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), telah bersetuju untuk mewujudkan agenda politik yang berkaitan isu kesaksamaan jantina antara lelaki dan wanita terutamanya di dalam pembangunan pelancongan.

Sehubungan dengan itu, pihak UNWTO telah membentangkan satu Pelan Tindakan yang berkaitan dengan pemerkasaan golongan wanita melalui pelancongan di *International Tourism Bourse* (ITB) terakhir di Berlin. Pelan Tindakan tersebut telah memberi tumpuan kepada aspek pengurangan kadar kemiskinan, peningkatan status golongan wanita, dan peranan golongan wanita di dalam sektor pekerjaan terutamanya yang melibatkan sector pelancongan (UNWTO, 2006).

Sementara itu, Wearing dan Larsen (1996) menjelaskan bahawa potensi positif ekopelancongan mampu memperkasakan komuniti tempatan khususnya golongan wanita dengan memberikan mereka rasa bangga dalam diri dan kesedaran tentang kepentingan memelihara dan kawalan ke atas sumber yang ada. Dalam kes yang lain, wanita mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan persekitaran fizikal mereka. Menurut Cammen (1997), sebagai contohnya wanita Maasai, mempunyai pengetahuan khas dalam laluan pejalan kaki, pembuatan kraftangan dari sumber alam semulajadi, yang mana telah menjadikan ianya salah satu pembangunan pelancongan berasaskan produk dan perkhidmatan di kawasan mereka. Oleh yang demikian, wanita tersebut telah dianggap terlibat dalam menguruskan program yang berkaitan dengan pelancongan.

Menurut Ghodsee (2003) pula, beliau berpendapat bahawa pembangunan pelancongan yang melibatkan golongan wanita akan membantu meningkatkan kesejahteraan ekonomi relatif golongan wanita dan membantu sektor ekonomi negara. Walau bagaimanapun, dari segi peluang mendapat pekerjaan formal, peluang yang diberikan kepada wanita tempatan luar bandar sering diabaikan kerana pembangunan pelancongan lebih tertumpu dikawasan bandar. Scheyvens (2000) mengatakan golongan wanita kurang mendapat peluang pekerjaan formal dalam bidang pelancongan disebabkan oleh halangan norma-norma sosial dan adat sesebuah komuniti bagi membolehkan mereka melibatkan diri dalam sektor ekonomi ini.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Sektor pelancongan telah mengalami pertumbuhan yang pesat dan menjadi salah satu penyumbang terbesar kepada ekonomi di kebanyakan negara di seluruh dunia (Tourism Malaysia, 2011). Di negara sedang membangun, pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama ekonomi terutamanya dari segi mewujudkan peluang pekerjaan, pendapatan, dan lain-lain peluang ekonomi yang berkaitan pelancongan (UNWTO, 2008).

Secara umumnya, pelancongan merupakan salah satu sektor yang luas di mana penglibatan ahli komuniti boleh memberikan kesan yang positif dari segi sosioekonomi, budaya dan pembangunan mampan serta menggalakan kawalan ke atas kuasa di kawasan mereka (Akama, 1996; Ashley, 2000). Swain (1990) pula menyatakan bahawa secara umumnya wanita dan lelaki diberikan peranan yang sama dalam pembangunan pelancongan. Namun, isu diskriminasi dan ketidaksamaan jantina merupakan halangan kepada kejayaan proses pembangunan pelancongan di kebanyakan negara sedang membangun (UNWTO, 2006).

Di negara-negara sedang membangun, ketidaksamaan jantina wujud kerana adanya jurang yang memisahkan golongan wanita dan lelaki dari segi kapasiti, hak asasi, akses kepada sumber, peluang yang berkaitan pembangunan (UNWTO,

2006) di mana isu ini masih berpanjangan hingga kini (Himashu dan Mohanty, 2015). Justeru, isu ketidaksamaan jantina dalam pelbagai aspek sosio-ekonomi masih lagi menimbulkan kebimbangan terhadap peluang golongan wanita di kawasan luar bandar untuk mendapat pekerjaan. Kebolehan mereka untuk mendapat pekerjaan atau tidak telah menjadi petunjuk kepada status ekonomi yang lemah dan telah mengurangkan peningkatan taraf kehidupan mereka (Bhusan, 2015).

Walaupun pada peringkat persetujuan dunia adalah untuk meningkatkan hak asasi bagi golongan wanita, UNFPA *(United Nation Population Funds)* mendakwa wanita masih lagi ramai jika dibandingkan dengan lelaki yang terlibat di dalam kemiskinan, kekurangan zat dan buta huruf. Mereka ini biasanya kurang mendapat akses berbanding lelaki dari segi perubatan, pemilikan harta, latihan dan peluang pekerjaan. Mereka masih lagi jauh untuk terlibat secara aktif di dalam bidang politik dan hanya terlibat di dalam keganasan melibatkan rumahtangga (UNFPA, 2008). Oleh hal yang demikian, isu ketidaksamaan jantina ini telah menyebabkan berlakunya banyak tanggungjawab sosial terutamanya dari segi pemulihan dan penyelesaiannya (Mohanty, 2015).

Di dalam sesetengah kajian, dari segi peluang pekerjaan formal, golongan wanita tempatan selalunya terlepas pandang dan diabaikan apabila pembangunan pelancongan dilakukan (UNWTO, 2006). Menurut UNWTO lagi, wanita merupakan tenaga kerja yang utama di dalam sektor pelancongan, tetapi mereka lebih cenderung untuk mendapat bayaran upah yang murah, kadang kala langsung tidak dibayar, dan status pekerjaan mereka adalah sangat rendah berbanding golongan lelaki. Sebaliknya, Bolles (1997) pula menjelaskan bahawa kepentingan wanita dalam industri pelancongan seringkali diketepikan. Beliau berhujah bahawa pelancongan menjadi penggerak kepada golongan wanita untuk meneroka perbezaan dan persamaan mereka.

Justeru, pada peringkat antarabangsa, agenda penting diwujudkan untuk menggalakkan kesaksamaan jantina antara lelaki dan wanita terutamanya di dalam pembangunan pelancongan adalah melalui pemerkasaan wanita (Ateljevic dan Peeters, 2009). Hal ini demikian kerana, golongan wanita mempunyai hak dan peluang yang sama untuk meningkatkan kehidupan mereka dan mempunyai akses

kepada sumber, kawalan dan keupayaan dalam pembangunan khususnya dalam pembangunan pelancongan. Justeru, aspek utama bagi pemerkasaan wanita adalah persamaan jantina yang mana ianya memberi perhatian kepada mengawal kuasa dan hak asasi yang memberi ruang kepada golongan wanita untuk mengurus kehidupan harian mereka (Ampumuza, 2008).

Di Malaysia, kerajaan telah mengiktiraf peranan golongan wanita di dalam pembangunan ekonomi melalui penyediaan peluang dan ruang untuk mempertingkatkan pencapaian mereka untuk berperanan dalam proses pembangunan ekonomi (Moha, 1997). Malahan, ia juga dilakukan melalui peningkatan taraf pendidikan dan latihan yang diberikan kepada golongan wanita dalam usaha kesaksamaan jantina (Motik, 2009). Namun, kurang perhatian diberikan kepada keperluan negara dalam membangunkan wanita di dalam pembangunan pelancongan terutamanya melalui organisasi.

Kajian mengenai pemerkasaan golongan wanita di Malaysia di dalam pembangunan pelancongan masih kurang jika dibandingkan dengan negara luar seperti Amerika, Australia, Kanada, Indonesia dan India (Hafizah, 2007; Hamzah dan Zainab, 2009). Namun begitu, terdapat kajian mengenai pemerkasaan wanita melalui keusahawanan seperti kajian yang dibuat oleh Hafizah dan Rahimah (2012) yang mana mengkaji tentang pemerkasaan wanita melalui keusahawanan tetapi tidak melihat kepada pemerkasaan wanita melalui organisasi di dalam pembangunan pelancongan.

Sehubungan dengan itu, melihat kepada kekurangan kajian mengenai keperluan negara dalam membangunkan wanita melalui organisasi di Malaysia, maka sangat wajarlah untuk kajian ini dijalankan dengan lebih terperinci.

## 1.3 Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor kejayaan *(Success Factors)* pemerkasaan golongan wanita di kawasan luar

bandar melalui organisasi di dalam pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) di Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu.

## 1.4 Objektif Kajian

Matlamat kajian adalah disokong dengan objektif kajian seperti yang berikut:

a. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penglibatan golongan wanita melalui organisasi di dalam pembangunan pelancongan.
b. Mengkaji peranan dan sumbangan Pihak Berkepentingan *(Stakeholders)* dalam memperkasakan wanita tempatan di dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti.
c. Menilai keberkesanan organisasi dalam memperkasakan wanita tempatan di dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti (PBK).

## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada isu semasa, persoalan kajian berikut digubah untuk menjalankan kajian dengan lebih teliti:

a. Mengapakah golongan wanita melibatkan diri mereka dalam organisasi wanita yang berkaitan dengan pembangunan pelancongan di kawasan kajian?
b. Bagaimanakah peranan dan sumbangan Pihak Berkepentingan *(Stakeholders)* di kawasan kajian dapat memperkasakan penglibatan wanita tempatan dalam program pembangunan pelancongan?
c. Sejauhmanakah pemerkasaan golongan wanita dapat mempengaruhi pembangunan pelancongan di kawasan kajian?

## 1.6 Skop Kajian

Skop kajian yang dijalankan ini adalah memberikan tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu penglibatan wanita, peranan pihak berkepentingan dan keberkesanan organisasi yang mana ianya adalah berdasarkan kepada objektif kajian bagi  kajian pemerkasaan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan melalui organisasi ini. Huraian skop kajian adalah seperti yang berikut :

### i. Penglibatan Wanita

Tumpuan diberikan kepada penglibatan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan melalui penyediaan peluang dan kemudahan oleh pihak NGO dalam memperkasakan golongan wanita tempatan. Penglibatan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan melalui aktiviti keusahawanan pelancongan memberikan keuntungan kepada mereka dari segi peluang pekerjaan yang menjana pendapatan sampingan selain mampu meningkatkan kehidupan sosial mereka.

### ii. Peranan Pihak Berkepentingan

Tumpuan diberikan kepada bantuan dan sokongan yang diberi dan disediakan oleh pihak berkepentingan yang terlibat dalam memperkasakan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan seperti peluang peningkatan kemahiran dan pengetahuan berkaitan keusahawanan serta pendedahan kepada pengalaman mengurus sistem pembangunan di peringkat komuniti.

### iii. Keberkesanan Organisasi

Tumpuan diberikan kepada peranan organisasi di dalam mengurus serta mentadbir pembangunan pelancongan di samping memperkasakan golongan wanita tempatan dalam membangunkan produk pelancongan dan

mempromosikan kawasan mereka sebagai pelancongan berasaskan komuniti kepada pelancong.

## 1.7 Pemilihan Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang telah dipilih adalah Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu. Kawasan kajian ini merupakan sebuah perkampungan nelayan yang terletak di dalam Daerah Setiu, Terengganu. Pemilihan kawasan kajian ini adalah kerana terdapatnya sebuah organisasi wanita iaitu *Usahawan Wanita Setiu* atau lebih dikenali sebagai PEWANIS yang telah ditubuhkan dan diuruskan oleh golongan wanita tempatan dengan membangunkan produk pelancongan selain menjadi agen pemeliharaan alam sekitar di kawasan mereka. Justeru, disebabkan organisasi tersebut berada di dalam daerah Setiu iaitu di kawasan Kampung Mangkuk, maka Kampung Mangkuk sendiri telah dipilih sebagai lokasi kajian selain dari keunikan kampung tersebut sebagai tarikan pelancongan. Peta dan lokasi kajian adalah ditunjukkan di dalam Peta 1.1

Di kampung Mangkuk ini, aktiviti utama penduduknya adalah nelayan yang mana sumber pendapatan mereka adalah berdasarkan kepada sumber laut dan sungai. Golongan lelaki di kampung ini majoritinya berkerja sebagai nelayan dan sebahagian kecilnya bekerja sendiri seperti tukang rumah dan pemandu bot pelancong. Sementara golongan wanita di kampung ini pula tidak bekerja dan hanya sebagai surirumah. Namun, sebahagian mereka bekerja secara sendiri iaitu membuat dan menjual makanan ringan seperti keropok, kerepek, belacan, ikan kering dan membuat hasil kraftangan daripada bahan semulajadi yang ada di kawasan mereka seperti bakul rotan, bakul nipah, dan tikar mengkuang. Hasil jualan yang diperoleh ini membantu golongan wanita dalam mengurus dan meningkatkan pendapatan keluarga mereka.

Sementara itu, golongan wanita di Kampung Mangkuk memang dikenali sebagai wanita yang aktif dalam aktiviti sosioekonominya yang mana terlibat di dalam aktiviti keusahawanan kecil-kecilan yang bertujuan untuk meningkatkan

tahap pendapatan ekonomi mereka. Pelbagai aktiviti dilakukan termasuklah aktiviti pembuatan kerepek pisang, pembuatan kraftangan dan barangan hiasan, pemeliharaan alam sekitar seperti penanaman bakau dan tanah lembap yang menjadi tarikan pelancongan di kawasan mereka.

Penglibatan aktif wanita Setiu ini disokong oleh usaha berterusan dari PEWANIS untuk bertindak sebagai agen bagi komuniti setempat khususnya golongan wanita untuk memasarkan dan mempromosikan produk yang dihasilkan kepada para pelancong yang datang melalui pameran dan jualan di kawasan mereka. PEWANIS sendiri mendapat sokongan dan bantuan inisiatif daripada pihak NGO terutamanya pihak WWF Malaysia dalam membangunkan produk pelancongan di kawasan kajian

**Peta 1.1** : Kawasan Kajian




Sumber : *http://mds.terengganu.gov.my/latar-belakang-setiu*

## 1.8 Metodologi Kajian

Pendekatan utama kajian ini adalah kualitatif. Terdapat beberapa alasan utama mengapa pendekatan ini di gunakankan dalam kajian ini. Pertama, soalan kajian seperti ‘mengapa’ dan ‘sejauhmana’ sesuai bagi kajian kulaitatif berbanding kuantitatif kerana jawapan yang diberikan oleh respoden adalah bersifat pandangan, perasaan dan pengetahuan mereka tentang sesuatu kejadian atau fenomena sosial (Patton, 2001 ; Ritchie, 2003). Kedua, sifat data yang kompleks dalam isu penglibatan golongan wanita dan pemerkasaan mereka melalui organisasi seperti PEWANIS paling sesuai dengan pendekatan kajian kualitatif (Ritchie, 2003).

### i. Permilihan Saiz Sampel

Saiz populasi bagi kajian ini adalah seramai 30 orang wanita yang mana mereka merupakan ahli organisasi PEWANIS *(Usahawan Wanita Setiu).* Namun, saiz sampel yang dipilih hanyalah seramai 15 orang iaitu terdiri daripada ahli organisasi PEWANIS yang bergiat secara aktif dan dipilih dengan menggunakan Kaedah Persampelan Bertujuan *(Purposive Sampling).*

### ii. Kaedah Pengumpulan Data

Menurut Creswell (2008), kaedah kualitatif bergantung kepada pandangan responden, pengumpulan data daripada teks atau kata-kata responden, dan menganalisis teks menjadi tema, dan seterusnya menjalankan kajian. Kaedah pengumpulan data di dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu temubual secara mendalam, perbincangan kumpulan fokus (FGD), dan pemerhatian turut serta. Kaedah kualitatif dipilih di dalam kajian ini untuk mendapatkan pengalaman daripada responden berkaitan kajian yang dikaji dan melihat tingkahlaku responden di kawasan kajian berhubung pemerkasaan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti (PBK).

Kajian temubual secara mendalam dilakukan ke atas golongan wanita yang terlibat secara aktif di dalam pembangunan pelancongan melalui organisasi di kawasan kajian. Sementara, Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) pula dilakukan ke atas golongan wanita dan pihak berkepentingan yang terlibat di dalam memperkasakan wanita melalui pembangunan pelancongan di kawasan kajian. Seterusnya, pemerhatian turut serta dilakukan untuk melihat dan mengenalpasti aktiviti sosioekonomi dan sosiobudaya yang berlaku di kawasan kajian.

Sementara itu, bagi data sekunder pula, kaedah pengumpulan data adalah melalui pemahaman berdasarkan kepada dokumen dan laporan yang diperolehi daripada agensi-agensi yang terlibat (Sabitha Marican, 2005; Rohana Yusof, 2004). Kaedah pengumpulan data sekunder di dalam kajian ini diperolehi daripada dokumen dan laporan agensi seperti agensi pelancongan, Pejabat Pelancongan Negeri Terengganu, laporan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, laporan Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah (JPBD), laporan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), dan Majlis Daerah Setiu serta Pejabat Tanah Daerah Setiu.

### iii. Peringkat Kajian

Terdapat 4 peringkat dalam menjalankan kajian ini iaitu peringkat awal yang mana untuk memahami tentang isu-isu dan permasalahan kajian, peringkat pengumpulan data, peringkat analisis data dan peringkat akhir iaitu peringkat rumusan.

Secara umumnya, peringkat permulaan kajian dimulakan dengan mengenalpasti isu dan permasalahan kajian yang mana ianya sangat penting dalam menentukan proses kajian yang dilakukan. Seterusnya, matlamat serta objektif kajian akandibentuk berdasarkan kepada isu dan permasalahan tersebut. Justeru, permulaan bagi kajian ini dilakukan dengan memahami isu dan permasalahan pemerkasaan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan dan matlamat utama kajian dibentuk bagi mengenalpasti faktor

kejayaan pemerkasaan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti (PBK).

Seterusnya, peringkat kedua kajian adalah melalui proses pengumpulan data di mana pengumpulan data dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu pengumpulan data primer dan pengumpulan data sekunder. Bagi data primer, data dan maklumat diperolehi melalui temubual mendalam, perbincangan kumpulan fokus dan pemerhatian secara penyertaan di kawasan kajian. Data sekunder pula diperolehi melalui sumber-sumber kajian yang lepas berkaitan kaitan kajian yang dijalankan seperti jurnal akademik, laporan majalah, artikel, laporan agensi yang terlibat dan lain-lain dokumen yang berkaitan pemerkasaan golongan wanita dalam pelancongan berasaskan komuniti.

Peringkat analisis data pula, data yang diperolehi daripada proses pengumpulan data dianalisis dengan menggunakan Analisis Tema *(Thematic Analysis).* Analisis ini menggunakan tema-tema yang dikenalpasti, dikodkan secara induktif dari data kualitatif (temubual, perbincangan kumpulan fokus dan pemerhatian) berkaitan kajian pemerkasaan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan di kawasan kajian.

Pada peringkat seterusnya, rumusan kajian dilakukan berdasarkan kepada penglibatan golongan wanita dan peranan pihak berkepentingan di dalam aktiviti sosioekonomi yang menyokong aktiviti-aktiviti pembangunan pelancongan, yang mana bukan sahaja mampu meningkatkan pendapatan mereka malahan mampu memperkasakan wanita di dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti (PBK) di kawasan kajian.

Kesemua peringkat di dalam kajian ini diringkaskan seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.1 dan Rajah 1.1 yang mana ianya dimulai dengan peringkat permulaan, peringkat pengumpulan data, peringkat analisis data dan seterusnya peringkat rumusan kajian.

**Jadual 1.1**: Peringkat di dalam melaksanakan kajian

| Peringkat | Huraian |
|---|---|
| **Peringkat 1: Pemahaman Awal** | ▪ Pemahaman isu dan permasalahan pemerkasaan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan. Seterusnya pembentukan matlamat dan objektif kajian yang mana untuk mengenalpasti faktor kejayaan pemerkasaan wanita melalui organisasi di dalam pembangunan pelancongan. |
| **Peringkat 2 :** **Pengumpulan Data** | ▪ Pengumpulan data secara kualitatif. Melibatkan pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer dikumpul melalui temubual mendalam, perbincangan kumpulan fokus, dan pemerhatian turut serta di kawasan kajian. Data sekunder pula diperolehi daripada laporan dan dokumen daripada agensi yang berkaitan dengan pemerkasaan golongan wanita luar bandar di dalam pembangunan pelancongan. |
| **Peringkat 3: Analisis Data** | ▪ Data kualitatif yang dikumpul akan dianalisis menggunakan Analisis Tema *(Thematic Analysis)*. Data yang dikumpulkan dianalisis melalui pembahagian tema iaitu penglibatan golongan wanita, pengaruh pihak berkepentingan dan keberkesanan organisasi yang terlibat. |
| **Peringkat 4 :** **Rumusan Kajian** | ▪ Perbincangan dan rumusan yang berkaitan usaha yang dilakukan oleh NGO dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam memperkasakan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan melalui organisasi wanita. |



Pemahaman Awal
Isu & Masalah
Matlamat & Objektif
Kajian Literatur
▪ Definisi & Konsep pelancongan
▪ Pembangunan pelancongan
▪ Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK)
▪ Definisi & Konsep pemerkasaan
▪ Pihak berkepentingan dalam Organisasi
Keberkesanan Organisasi
Organisasi
Penglibatan Wanita
Peluang & kemudahan
Keusahawanan pelancongan
Peringkat 1
Pengumpulan Data
Data Primer
Data Sekunder
i. Temubual mendalam
ii. Perbincangan kumpulan fokus
iii. Pemerhatian secara penyertaan
i. Dokumen
ii. Laporan agensi
iii. Jurnal
iv. Artikel
Peringkat 2
Analisis Data
Analisis Tematik
(Thematic Analysis)
Penglibatan Wanita
Pengaruh Pihak Berkepentingan
Keberkesanan Organisasi
Kejayaan Pemerkasaan Wanita

## 1.9 Hasil Akhir Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pemerkasaan wanita luar bandar melalui organisasi di dalam pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK). Justeru, hasil kajian yang diperolehi adalah berdasarkan kepada objektif dan skop kajian yang telah ditetapkan. Oleh itu, kajian ini menjangkakan mendapat tiga penemuan utama iaitu penglibatan golongan wanita di dalam pembangunan pelancongan, sokongan pihak berkepentingan dalam memperkasakan wanita dan seterusnya keberkesanan organisasi dalam memperkasakan golongan wanita tempatan.

Huraian bagi hasil akhir kajian adalah berdasarkan kepada skop kajian dimana dihuraikan seperti yang berikut :

**Jadual 1.2** : Hasil Akhir bagi kajian yang dijalankan

| Hasil | Huraian |
|---|---|
| **Penglibatan golongan wanita** | ▪ Penglibatan golongan wanita samada secara langsung dan tidak langsung di dalam organisasi memberi manfaat kepada wanita dan komuniti setempat dari segi memperbaiki dan meningkatkan taraf kehidupan mereka melalui aktiviti keusahawanan dan pembangunan pelancongan yang dilakukan di samping memperkasakan golongan wanita di kawasan kajian. |
| **Sokongan Pihak Berkepentingan** | ▪ Sokongan daripada pihak luar seperti NGO dan Pihak Berkepentingan *(Stakeholders)* yang lain telah menggalakkan wanita tempatan untuk mengambil bahagian dan melibatkan diri sepenuhnya di dalam proses pembangunan pelancongan di samping memberikan kesedaran kepada mereka tentang aktiviti pemuliharaan alam sekitar di kawasan mereka untuk kepentingan bersama. |
| **Keberkesanan Organisasi** | ▪ Organisasi wanita iaitu PEWANIS memberi peluang dan kemudahan kepada wanita tempatan untuk mengambil bahagian dan melibatkan diri di dalam proses pembangunan pelancongan berasaskan komuniti (PBK) di peringkat membuat keputusan dan |

| | |
|---|---|
| | penyelesaian masalah yang dihadapi.<br>▪ Selain itu, organisasi sendiri bekerjasama baik dengan pihak berkepentingan untuk memperkasakan wanita tempatan. |

Pada akhir kajian, hasil yang diharapkan daripada kajian ini seterusnya menjadi organisasi wanita contoh di peringkat daerah mahupun negeri kerana mampu memperkasakan wanita tempatan untuk melibatkan diri dan mengambil bahagian di dalam proses pembangunan terutamanya pembangunan pelancongan di kawasan mereka. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemerkasaan wanita melalui organisasi terutamanya melalui aspek sosioekonomi yang berkaitan dengan pembangunan pelancongan yang memberi manfaat kepada golongan wanita dan komuniti setempat secara umumnya. Seterusnya, ianya juga dapat membantu dalam mengenalpasti dan memahami peranan serta sumbangan pihak berkepentingan sebagai pendorong kepada kejayaan pemerkasaan golongan wanita di dalam pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) di kawasan kajian.

## 1.10 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam konteks pembangunan pelancongan di kawasan luar bandar yang mana ianya melibatkan penglibatan komuniti setempat khususnya golongan wanita di dalam proses pembangunan pelancongan yang dilakukan. Melalui kajian literatur oleh Drake (1991), menunjukkan bahawa pemerkasaan komuniti merupakan komponen yang penting dalam proses pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK).

Selain itu, kajian yang dijalankan ini juga memberikan kefahaman yang mendalam berkaitan proses pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) terutamanya dari aspek keupayaan komuniti khususnya golongan wanita

yang mana ianya merangkumi keupayaan organisasi dan individu. Pengumpulan data menerusi perkongsian pengalaman sebenar responden yang terlibat dalam proses pembangunan pelancongan sejak awal serta rujukan dokumen-dokumen yang berkaitan serta pengalaman semasa melakukan kajian membolehkan kefahaman yang mendalam dan mampu menghasilkan kajian yang lebih menarik.

Secara umunya, kajian ini juga mempunyai potensi untuk dikembangkan menjadi kajian penting bagi menilai pemerkasaan wanita melalui organisasi yang boleh memberi peluang kepada wanita tempatan untuk mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan, kawalan ke atas sumber-sumber di kawasan mereka. Justeru, golongan wanita memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan aktiviti sosioekonomi bagi menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, pemerkasaan golongan wanita melalui pembangunan pelancongan dapat diketahui. Justeru itu, hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak berkepentingan, pihak agensi kerajaan dan mana-mana pihak yang terlibat untuk mengambil langkah yang sewajarnya dalam meningkatkan tahap keupayaan golongan wanita di kawasan luar bandar dan seterusnya membantu golongan wanita untuk mendapatkan akses dan mengawal sumber di kawasan mereka. Langkah-langkah susulan perlulah dirancang oleh pihak yang berkenaan berdasarkan sumber-sumber yang diperolehi bagi mencapai pembangunan yang mampan dari segi modal sosial dan modal insane yang sedia ada.

Sementara itu, hasil kajian ini juga dapat memastikan pembangunan, pengurusan dan pemantauan prestasi wanita dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti pada masa akan datang mampu menggalakkan kejayaan pemerkasaan wanita melalui strategi perancangan yang sistematik. Oleh itu, kajian ini akan menarik perhatian pihak yang berpotensi untuk mengubal dasar dan program dalam usaha meningkatkan penglibatan wanita melalui proses membuat keputusan dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti.

Keupayaan organisasi wanita dalam memberi peluang kepada golongan ini untuk terlibat di dalam aktiviti sosial dan ekonomi akan membuktikan kejayaan

pemerkasaan wanita bagi pembangunan pelancongan. Seterusnya, ianya juga akan menggalakan wanita untuk meneroka peluang melalui pembangunan pelancongan dengan mengambil bahagian dalam aktiviti yang boleh memberi kuasa kepada mereka dan memperbaiki kehidupan sekaligus menghapuskan jurang ketidaksamaan antara golongan lelaki dan wanita di dalam pembangunan pelancongan.

Seterusnya, hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pihak berkepentingan dalam pembangunan pelancongan seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Kementerian Pembangunan Kesejahteraan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan input berguna kepada pihak NGO atau agensi-agensi pembangunan dalam usaha untuk meningkatkan lagi peranan mereka bagi membantu komuniti dalam membangunkan pelancongan. Komuniti setempat di kawasan kajian juga boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai sumber rujukan dalam usaha memperbaiki dan menambahbaik pembangunan pelancongan di kawasan mereka pada masa akan datang.

